

SYI'AH DAN PENGARUHNYA DI ALAM MELAYU

Mahayudin Hj Yahaya

**UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1438H / 2017M**

Penerbit:

UNISSA Press
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
BE1310, Gadong
Negara Brunei Darussalam
Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Mahayudin Hj Yahaya

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

MAHAYUDIN Hj Yahaya

Syiah dan pengaruhnya di alam Melayu. -- Bandar Seri Begawan :
UNISSA Press, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan
Sharif Ali, 2017.

84p. 15.24cm x 22.86cm.

ISBN 978-99917-82-65-2 (Softcover)

1. Shiites 2. Islamic sects I. Title

297.82 MAH (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar & Dicetak Oleh:

Syarikat Percetakan Borneo
Negara Brunei Darussalam

KANDUNGAN

PRAKATA	ix
SENARAI TRANSLITERASI	x
PENDAHULUAN	xi
BAB 1 SEJARAH SYI'AH	1
Kelahiran Syi'ah	1
Syi'ah Baharu	4
Ideologi Syi'ah	5
BAB 2 MAZHAB-MAZHAB SYI'AH	11
Kaisaniyyah	11
Doktrin Syi'ah Imāmiyyah	16
BAB 3 MASYARAKAT MELAYU SEBELUM ISLAM	23
Hubungan Arab Dengan Alam Melayu	24
Penyebaran Islam	25
Kedatangan Islam Ke Alam Melayu	26

BAB 4 PENGARAH SYI'AH DI ALAM MELAYU	37
Ketibaan Syi'ah di Alam Melayu	37
Kejatuhan Kota Baghdad dan Pengaruh Tasawuf di Alam Melayu	41
Insān Kamil	46
Nūr Muḥammad	47
Kaum Sayyid dan Syi'ah	51
Sayyid Alawiyah	52
BAB 5 ISU DAN KESIMPULAN	65
BIBLIOGRAFI	77
LAMPIRAN	83

Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء
والمرسلين وعلى اله وصحبه أجمعين

Syukur *alhamdulillah*, dengan taufik dan hidayatNya jua, buku yang bertajuk *Syi'ah dan Pengaruhnya di Alam Melayu* ini dapat diselesaikan penulisannya dengan kadar yang segera. Saya menyedari bahawa penulisan dan penerbitan buku seumpama ini tidak mudah dilakukan tanpa komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak, khususnya pihak Penerbit UNISSA. Saya berhutang budi kepada banyak pihak, khususnya Rektor UNISSA yang sentiasa memberi galakan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan ilmiah kepada warga UNISSA. Begitu juga kepada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, pihak UNISSA Press dan mereka yang terlibat dalam mengendalikan buku ini sebelum ia dapat diterbitkan. Kepada mereka semua saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, *jazakumullah khairan*.

Di sini saya akui masih terdapat banyak kelemahan dan kekurangan. Sebarang komen dan teguran yang membina sangat dialu-alukan bagi memudahkan penulis memperbaiki dalam edisi-edisi yang akan datang. Di atas hasil usaha ini penulis mohon taufik dan hidayat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semoga hasil kajian ini diberkatiNya. *Amin ya rabbal `alamin*.

2017

MAHAYUDIN HJ YAHAYA
FPPI, UNISSA
Negara Brunei Darussalam

SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	'	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	ʿ
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ي	y
Vokal Pendek		Vokal Panjang	
اَ	a	آ	Ā/ā
اِ	i	و	Ū/ū
اُ	u	ي	Ī/ī

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
اَ وِ	aw	ي	iyy/ī
اَ يَ	ay	و	uww/

PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini kita telah dikejutkan dengan isu Syi'ah-Sunni dan telah dihebahkan ke seluruh negara. Setakat ini belum ada kata sepakat dicapai atau keputusan muktamad mengenainya diambil. Pihak media turut membesar-besarkan isu ini sehingga kita terpanggil untuk memberikan pandangan dan pendapat mengenainya. Walau apa pun yang berlaku, kita harus berwaspada dalam menangani isu ini kerana boleh jadi ia disengajakan atau dirancang dan dibesar-besarkan oleh pihak musuh supaya umat Islam di negara ini menjadi gelisah dan keluh kesah dan akhirnya berpecah. Apakah ini suatu agenda sulit yang ditaja oleh kaum Yahudi sepertimana yang pernah dilakukan oleh Abdullah bin Saba' pada zaman Khalifah Uthman dan Khalifah Ali dahulu? Bagi memahami situasi sebenar, maka suatu kajian khusus mengenainya telah dilakukan bagi memahami motif dan mesej tersirat yang hendak mereka sampaikan kepada masyarakat.

Pada prinsipnya, kaum Syi'ah bertindak secara diam-diam bagi mencapai hasrat dan cita-cita mereka yang tersembunyi. Ini selari dengan doktrin *taqiyyah* yang menjadi pegangan kaum Syi'ah seluruhnya. Bagi kita yang berpegang kepada aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak

ada yang tersembunyi, kesemuanya dilakukan secara terang-terangan kerana kita bersifat jujur dan ikhlas. Justeru sifat jujur dan ikhlas itulah yang menyebabkan pihak musuh lebih mudah mengesan kekuatan dan kelemahan diri kita. Di sinilah letaknya perbezaan antara taktik dan strategi perjuangan Syi'ah -Sunni yang kita harus fahami dan harus diselesaikan dengan baik dan secepat yang mungkin.

Perkara kedua yang harus dinyatakan di sini ialah di sepanjang sejarah, umat Islam tidak henti-henti dilanda masalah perpecahan, sejak kewafatan Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* hinggalah ke hari ini, dan mungkin perkara seperti ini akan terus berlaku hingga ke akhir zaman. Puncanya tidak lain ialah kerana perbezaan pendapat dan tamak kuasa. Contoh awal ialah perang saudara antara para sahabat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib. Perpecahan sesama umat Islam tidak terhenti di situ sahaja, malah terus berlaku pada zaman selepasnya disebabkan sifat perkauman Arab-Parsi dan perbezaan ideologi politik dan pemahaman terhadap agama. Justeru, kepimpinan dalam negara Islam silih berganti; "siapa kuat dia yang dapat" (*survival for the fittest*) tanpa mengambil kira kepentingan akidah dan penyatuan ummah. Pada ketika itulah musuh-musuh Islam mengambil kesempatan bagi melemah dan menghancurkan umat Islam. Kerajaan Bani Umayyiah dan Abbasiyyah hancur adalah disebabkan perebutan kuasa antara kaum Sunni dan Syi'ah.

Kaedah Kajian

Kaedah, tatakaedah, pendekatan atau metodologi kajian ini adalah bersifat “sosiologi-sejarah” (*historical sociology*). Mengapa kita memilih pendekatan sosiologi-sejarah dan tidak politik-agama (*religio-politics*) atau politik-sejarah (*historical politics*). Sebabnya ialah kerana bukan semua yang dicatatkan di dalam sejarah itu benar dan boleh diterimapakai kesemuanya. Menurut Ibn Khaldun, terdapat ramai daripada kalangan ahli-ahli sejarah yang menulis sejarah telah tersasar jauh daripada kebenaran disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah kerana berkepentingan diri untuk mendapatkan kuasa. Kedua, kerana untuk mendapatkan sanjungan dan pujian. Ketiga, kerana taksud kepada sesuatu kelompok atau mazhab. Keempat dan terpenting, kerana jahil mengenai hukum sosial. Oleh itu beliau mencadangkan supaya setiap peristiwa yang berlaku dalam sejarah harus diuji dan dikaji terlebih dahulu melalui hukum dan undang-undang sosial menerusi ilmu yang direka khas yang diistilahkan sebagai “*ilm al-`umran*” atau ilmu kaji masyarakat “sosiologi” menurut istilah semasa, bagi mengetahui sebab-sebab berlakunya sesuatu kejadian, sama ada yang tersurat (*zahir*) atau yang tersirat (*batin*).¹ Sebab-sebab tersebut dapat dikesan melalui tindak tanduk masyarakat melalui

*Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam Persidangan Tertutup “Syi’ah Dalam Kalangan Masyarakat Melayu” anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada 9hb April 2014.

¹ Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, hlm.27.

kebudayaan dan pemikiran mereka yang dibentuk oleh sejarah. Fungsi sejarah menyalurkan maklumat masa lampau dalam bentuk menegak (*vertical*, `amudi), manakala sosiologi menampilkan hasil dan kesan sejarah menerusi tindak tanduk masyarakat serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat dalam bentuk mendatar atau melebar (*horizontal*, `ufuqi). Dalam konteks Asia Tenggara tujuan pendekatan ini diambil tidak lain ialah untuk mengesan perilaku masyarakat Melayu dalam menangani isu agama dan ideologi politik yang mereka bawa serta kesan dan pengaruhnya ke atas generasi muda hari ini.

Semoga dengan kaedah ini kita akan memperolehi suatu penyelesaian menyeluruh dan menyakinkan mengenai isu Syi'ah-Sunni serta menghilangkan perasaan curiga antara satu dengan yang lain berasaskan fakta sejarah dan amalan masyarakat Melayu kerana kedua-duanya saling berkait bagi menentukan proses kesinambungan dan perubahan dalam sejarah manusia.

Sumber Kajian

Bahan yang digunakan dalam kajian ini merupakan bahan primer sebagai sumber utama yang dihasilkan dalam bentuk manuskrip, kitab Arab dan Jawi oleh penulis-penulis Syi'ah dan Sunni, di samping bahan sekunder dalam bentuk tesis, buku, dan artikel yang disiarkan dalam jurnal yang bewasit serta maklumat-maklumat yang diperolehi daripada internet sebagai bahan sokongan.

Muqaddimah Ibn Khaldun merupakan bahan utama dalam menentukan kaedah dan metodologi kajian yang bersifat *historical* dan *sociological* yang sangat penting bagi memahami situasi yang berlaku dalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu yang terkenal sebagai masyarakat yang berpegang teguh kepada adat tradisi nenek moyang mereka.

Bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai sejarah kelahiran Syi'ah pada zaman awal Islam, maka sumber yang paling muktabar ialah *Tarikh* al-Tabari kerana ia telah menggunakan sistem sanad secara teratur dan terperinci. Di atas dasar ini, maka *Tarikh* al-Tabari dijadikan sumber primer bagi mengesan suasana yang berlaku pada zaman Khalifah Ali dan pemberontakan Syi'ah yang mendapat sokongan bangsa Parsi pada zaman Bani Umaiyah hinggalah ke zaman Abbasiyyah.

Oleh kerana pengaruh Parsi yang begitu besar dalam pemikiran Syi'ah pada zaman Bani Umaiyah dan Abbasiyyah menyebabkan munculnya pelbagai mazhab dan doktrin yang diamalkan mereka. Perkara ini banyak dibahaskan oleh penulis-penulis Syi'ah. Di antara yang paling menonjol ialah Abdullah Fayyad dalam kitab *al-Imamah wa Aslafihim min al-Shi'ah*. Kajian yang dilakukan oleh Abdullah Fayyad adalah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta pendapat para ulama yang mu'tabar. Bagi mengimbangi pendapat Syi'ah, kajian ini telah menggunakan bahan-bahan yang dihasilkan oleh penulis-penulis Sunni, termasuklah Diya'uddin al-Rayes menerusi bukunya *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*. Buku

ini menyentuh konsep “Imāmah” dan ideologi politik kaum Syi‘ah dan perbandingannya dengan ideologi politik kaum Sunni.

Bagi mengenalpasti susur galur nasab keturunan Syi‘ah atau umumnya *Ahl Āl Bayt*, kita gunakan sumber-sumber nasab keturunan Arab yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh dalam bidang berkenaan seperti *Jamharah Ansab al-‘Arab* karangan Ibn Hazm dan dicantumkan dengan sumber-sumber lain yang menghubungkan keturunan Sayyid dengan keturunan *Ahl Āl Bayt* seperti kitab *Mashahir al-Mashra` al-Rawwi fi Manaqib al-Sadah al-Kiram Al Abi `Alawi* karangan Muhammad bin Abi Bakr al-Shalli.

Sumber-sumber yang dinyatakan di atas tidak menyatakan secara jelas mengenai sejarah kedatangan dan pengaruh Syi‘ah di Alam Melayu. Oleh itu, kita terpaksa berpandukan sumber-sumber lain yang berada di rantau ini, termasuklah kitab *Nihāyah al-Arab fi Funun al-Adab* karangan al-Nuwairi dan kitab *Izhār al-Ḥaqq fi Mamlakah Farlak* karangan Abu Ishaq al-Makrani al-Fasi. Mengenai ajaran Syi‘ah dan pengaruhnya di rantau ini kita berpandukan kitab *Baḥr al-Lāhūt* karangan Abdullāh Ārif yang menyatakan konsep “Nur Muhammad” dan “Insān Kāmil” yang mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu sehingga terjelmanya doktrin *Waḥdah al-Wujūd* di Aceh.

Bagi memperkukuhkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam sumber-sumber primer di atas, kita gunakan pula sumber sekunder seperti kitab *'Uqud al-Almas* karangan Sayid 'Alwi bin Tahir al-Haddad dan *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* karangan Ali Hasjmy. Maklumat yang disampaikan oleh Hasjmy diperolehi dari kitab *Izhar al-Haqq fi Mamlakah Farlak* karangan Abu Ishaq al-Makrani al-Fasi.

Teori

Terdapat pelbagai teori mengenai sejarah kelahiran Syi'ah. Menurut sumber-sumber sejarah, berikutan kewafatan Nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* sudah wujud golongan yang bersimpati dengan Sayyidina Ali. Mereka ini termasuklah Abu Dharr al-Gifāri, Salman al-Farisi, Miqdad al-Kindi, Ammar bin Yasir dan lain-lain lagi. Mereka ini telah menyuarakan supaya Sayidina Ali menggantikan Nabi sebagai “Khalifah” bagi menerajui Negara Islam Madinah berdasarkan kebolehannya dalam bidang keagamaan serta hubungan kekeluarganya dengan Nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* sebagai menantu dan sepupunya. Pada tahap ini sokongan mereka terhadap Sayyidina Ali samalah seperti sokongan yang diberikan oleh penyokong-penyokong Abu Bakar terhadapnya berdasarkan keistimewaan-keistimewaan yang ada padanya, seperti kedewasaannya, keakrabannya dengan Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wasallam*. Sebagai contoh, beliau pernah menemani Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* dalam peristiwa Hijrah dari kota Makkah ke Yathrib (Madinah) dan mengimamkan solat ketika Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi*

wasallam uzur. Pada ketika itu tiada siapa yang berani mengtaqdiskan Sayyidina Ali atau Abu Bakar kerana mereka tahu bahawa yang layak ditaqdis hanya Allah *Subhānahu wa Ta`ālā* sahaja. Tetapi apabila sampai pada zaman Khalifah Uthman bin `Affan sifat kesederhanaan yang ditunjukkan oleh para sahabat itu telah bertukar menjadi ekstrim berikutan kemunculan seorang Yahudi yang memeluk Islam secara berpura-pura dan kurang ilmu pengetahuan agama bernama Abdullah bin Sabak² atau disebut juga Ibn`al-Sawda`. Abdullah bin Sabak pernah menganggap Sayyidina Ali sebagai "Tuhan". Tindakan beliau ini telah dikecam oleh Sayyidina Ali dan seterusnya disingkir dari kota Kufah ke al-Mada`in.

Daripada peristiwa itu tadi jelaslah bahawa, walaupun sebelum sayyidina Ali diangkat menjadi khalifah, sudah wujud individu-individu tertentu, khususnya daripada kalangan kaum Ansar yang tinggal di kota Madinah yang telah menunjukkan simpati terhadapnya, tetapi mereka ini tidak boleh dianggap sebagai kaum Syi`ah dalam erti kata yang sebenar, sama ada dari sudut politik mahupun agama, tetapi mereka ini hanya boleh dianggap sebagai penyokongnya sahaja, dan sikap yang mereka tunjukkan juga adalah dalam keadaan berbelah bagi, khususnya selepas perlantikan Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq dan `Umar bin al-Khattab sebagai Khalifah. Walau bagaimanapun, keadaan

² Pelbagai pendapat mengenai Abdullah bin Sabak dari segi kewujudan dan kelahirannya. Ada di antara mereka yang meragui tentang kewujudan Abdullah bin Sabak dan menganggapnya suatu legenda.

Ini mula berubah di akhir-akhir pemerintahan Khalifah 'Uthman bin 'Affan dan dipermulaan pemerintahan Sayyidina Ali sehingga tercetusnya perang Siffin dan Majlis Tahkim. Pada saat itulah lahirnya puak Syi'ah dalam ertikata yang sebenar.

Definisi

Perkataan “Syi'ah” (*shi'ah*), menurut al-Qur'an al-Karim, membawa maksud “kumpulan” atau “pengikut”.³ Dalam pengertian yang umum ini tidak bermaksud penyokog-penyokong Sayyidina Ali bin Abi Talib sahaja, penyokong-penyokong Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq juga boleh digelar Syi'ah, “Syi'ah Abu Bakar” (pengikut Abu Bakar). Penyokong-penyokong Mu'awiyah bin Abi Sufyan pernah dianggap sebagai “Syi'ah Mu'awiyah” oleh sumber-sumber Arab.

Apabila tercetusnya perang Siffin dan Majlis Tahkim (Majlis Rundingan) antara Ali dan Mu'awiyah, maka istilah “syi'ah” telah diberikan makna yang khusus, iaitu penyokong-penyokong Khalifah Ali bin Abi Talib yang mendapat sokongan kuat daripada kaum Arab dari Yaman dan suku Tamim.

³ Surah al-Qasas:15; Surah Maryam: 69.

Sejarah Syi'ah

Kelahiran Syi'ah

Berikutan peristiwa Perang Siffin dan Majlis Tahkim yang berlaku di Iraq pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib telah muncul dua puak yang bertentangan antara satu sama lain. Puak pertama dikenali sebagai kaum Khawārij dan puak kedua sebagai kaum Syiah. Kedua-dua puak ini sama-sama berada dalam barisan tentera Khalifah Ali yang dikenali sebagai kaum *Qurrā`* ketika mementang Talhah dan al-Zubayr dalam Perang Jamal dan Mu'awiyah bin Abi Sufyan di dalam Perang Siffin. Apabila Majlis Tahkim gagal, sebahagian daripada tentera Khalifah Ali telah keluar (*kharaja*) dan bangun memberontak menentanginya. Mereka ini dikenali sebagai kaum "Khawārij". Di antara sebab-sebab mereka keluar dari barisan tentera Ali ialah kerana tidak bersetuju dengan keputusan Majlis Tahkim yang dikatakan lebih memihak kepada Mu'awiyah. Sementara yang lain kekal bersama Khalifah Ali dan dikenali sebagai kaum "Syiah" (pengikut-pengikut Ali yang setia) di bawah pimpinan Malik bin Harith al-Asytar al-Nakhai' dari suku bangsa Arab Yaman.

Isu yang dibangkitkan oleh kaum Khawārij pada ketika itu ialah mengenai kepemimpinan Sayyidina Ali sebagai khalifah telah tergugat justeru tipu helah Mu`awiyah. Kaum Khawārij berpendapat bahawa kedudukan Sayyidina Ali sebagai Khalifah mesti dipertahankan dalam apa keadaan sekalipun bagi tujuan untuk mengembalikan *status quo* mereka sebagai pentadbir tanah *sawafi* (tanah terbengkalai) di Iraq hasil usaha mereka melalui penaklukan Islam di wilayah tersebut pada zaman Khalifah `Umar bin al-Khattab. Malangnya *status quo* itu telah berpindah tangan kepada kaum Quraish pada zaman Khalifah `Uthman bin Affan. Bagi mengembalikan *status quo* inilah yang menyebabkan mereka menyokong Ali untuk menentang Mu`awiyah yang dikatakan cuba mengekalkan polisi Khalifah `Uthman mengenai tanah *sawafi* tersebut.

Ringkasnya, perjuangan kaum Khawārij bersabit tanah sawafi di Iraq tidak kesampaian disebabkan Ali tertewas dalam Majlis Tahkim ketika berhadapan dengan Mu`awiyah yang menyebabkan mereka memberontak menentang Khalifah Ali. Bagi penyokong-penyokong setia Khalifah Ali kekal bersamanya di bawah pimpinan al-Ashtar dan telah memberikan sokongan padu terhadapnya. Sokongan ini diperkukuhkan lagi dengan ikrar sumpah setia terhadapnya dengan melafazkan kata-kata bahawa “Semua sahabat Ali adalah sahabat kami dan semua musuh Ali adalah musuh kami”. Peristiwa ini dilakukan di Kota Kufah, Iraq⁴. Mereka yang menyertai ikrar ini boleh dianggap

⁴ Al-Tabari, Abu Ja`far Muhammad bin Jarir. (1879-1901). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. 1/3350. M.J de Geoeje (ed.), Leiden.

sebagai Syi'ah asal, dan tiada seorang pun daripada mereka berketurunan Quraish atau *Ahl Āl Bayt*.

Daripada peristiwa itu tadi maka jelaslah bahawa tarikh kemunculan kaum Syi'ah secara rasminya hanya berlaku selepas peristiwa Majlis Tahkim, khususnya selepas diadakan ikrar sumpah setia terhadap Sayyidina Ali yang dilafazkan oleh al-Ashtar dan rakan-rakannya yang kebanyakannya dari suku Arab Yaman dan suku Tamim.

Isu yang ditimbulkan pada ketika itu merupakan isu sosioekonomi yang melibatkan dua perkara, pertama, pertembungan antara kaum Quraish dan bukan Quraish, kedua, mengenai tanah *sawafi* di Iraq. Kedua-dua isu ini telah dikaitkan dengan kepimpinan Sayyidina Ali sebagai khalifah yang lebih berhak -dan berkuasa bagi mengembalikan *status quo* mereka di Iraq, dan tidak ada kena mengenai dengan isu agama atau politik; agama dan politik hanya dijadikan sebagai alat semata-mata bagi mendapatkan semula kuasa ekonomi di Iraq dan status sosial mereka sebagai kaum bukan Quraish.

Kaum keluarga Sayyidina Ali atau lebih dikenali sebagai *Ahl Āl Bayt* berketurunan Quraish yang mendapat sokongan kuat daripada kaum *mawāli* berbangsa Parsi belum melibatkan diri mereka secara langsung dalam kancah politik menentang Mu'awiyah, walaupun Khalifah Ali telah mati dibunuh. Sebagai contoh, Hujr bin 'Adi al-Kindi daripada keturunan Arab Yaman yang menjadi penyokong kuat Sayidinan Ali, apabila dijatuhkan hukuman mati pada zaman Mu'awiyah, tidak seorang pun daripada kaum *mawāli*

atau *Ahl Āl Bayt* yang bangun membela di atas kematiannya. Tetapi apabila Sayyidina Husain bin Ali dibunuh dalam tragedi di Karbala` pada 10 Muharram 61H/12 Oktober 680M.maka, secara spontan, kaum *mawāli* dan *Ahl Āl Bayt* bangun memberontak. Keadaan ini menggambarkan betapa penting dan seriusnya peristiwa pembunuhan Husain di Karbala`. Peristiwa di Karbala` telah menjadi legenda yang membakar semangat kaum Syi`ah bagi menentang kerajaan yang memerintah. Kejadian ini menjadi ingatan yang tidak dapat dilupakan oleh mereka hingga ke hari ini. Persoalannya, mengapa kaum *mawāli* berbangsa Parsi merasa begitu tersentuh di atas pembunuhan Sayyidina Husain di Karbala` dan menjadi penyokong kuat kepada perjuangan Syi`ah? Jawabannya akan sama-sama kita ikuti dalam perbahasan di bawah tajuk “Syi`ah Baharu”.

Syi`ah Baharu

Kemunculan kaum *Mawāli* berbangsa Parsi bersama *Ahl Āl Bayt* pada zaman Bani Umayyiah boleh dianggap sebagai kelahiran Syi`ah baharu *Neo-Shi`iah* (*Pseudo-Shi`ah*) yang tidak ada kena-mengena dengan Syi`ah asal yang muncul di Siffin di bawah pimpinan al-Ashtar.⁵ Jika sekiranya perjuangan Syi`ah asal di Siffin bermotifkan sosioekonomi, dan majoriti pengikutnya daripada keturunan Arab Yaman dan suku Tamim, tetapi perjuangan Syi`ah baharu yang

⁵ Di antara pengikut Syi`ah asal ialah Hujr bin Adi al-Kindi. Beliau telah memberontak menentang Khalifah Mu`awiyah dan dijatuhkan hukuman bunuh pada tahun 51H/671M. Namun begitu, tiada seorang pun daripada kalangan kaum keluarga Ali termasuk anaknya Husain bangun menuntut bela di atas kematian Hujr bin Adi al-Kindi.

dianggotai oleh *Ahl Āl Bayt* dan *mawāli* adalah bermotifkan sosial, agama dan politik. Kedua-dua kumpulan ini telah kehilangan status sosial, agama, dan politik berikutan kenaikan kerajaan Bani Umayyah. Ditambah pula dengan hubungan kekeluargaan mereka dengan cucu Rasulullah menerusi perkahwinan antara Sayyidina Husain dengan puteri raja Parsi iaitu Shah Zinan. Menerusi perkahwinan ini telah melahirkan Ali Zainal Abidin dan zuriyat yang berdarah Parsi dalam kalangan Syi'ah, dan seterusnya diangkat sebagai Imam-imam Syi'ah. Justeru, menyebabkan majoriti pengikut Syi'ah baharu terdiri daripada kaum *mawāli* daripada bangsa Parsi. Faktor lain yang menyebabkan orang Parsi menyokong kaum keluarga *Ahl Āl Bayt* ialah kerana kaum Parsi telah dihina dan dianaktirikan di sepanjang pemerintahan Bani Umayyah yang taksub kepada bangsa Arab mereka.

Ideologi Syi'ah

Kemunculan Syi'ah baharu yang didukung oleh bangsa Parsi adalah didorong oleh perasaan taksub terhadap kaum keluarga Sayyidina Ali bin Abi Talib, khususnya daripada keturunan Husain dan bukan berasaskan akidah. Perasaan taksub ini meningkat dari semasa ke semasa, khususnya selepas peristiwa pembunuhan Sayyidina Husain di Karbala' pada 10 Muharram 61H/680M.

Perlantikan Yazid bin Mu'awiyah sebagai pewaris kerajaan Bani Umayyah dianggap sebagai penghalang dan sekaligus menutup peluang kaum keluarga Sayyidina Ali atau *Ahl Āl Bayt* untuk berkuasa. Ditambah pula dengan

peristiwa pembunuhan Sayyidina Husain menyebabkan kaum Syi'ah dan umat Islam umumnya turut berdukacita dan marah terhadap kerajaan Bani Umaiyyah di atas kekejaman yang dilakukan itu.

Daripada peristiwa-peristiwa itu tadi menyebabkan kaum Syi'ah menentang kerajaan Bani Umaiyyah serta melahirkan pandangan mereka berasaskan sentimen agama dan perkauman terhadap kaum keluarga Sayyidina Ali bin Abi Talib yang dianggap pewaris Nabi dan bersifat suci. Pandangan atau teori yang dibawa oleh kaum Syi'ah ini lebih bersifat politik-agama (*religio-politic*) bagi tujuan untuk menegakkan sebuah pemerintahan Islam yang mana khalifah atau Imam mempunyai dwi-kuasa, iaitu kuasa agama dan politik.

Pandangan yang dikemukakan oleh kaum Syi'ah ini bertepatan dan bersesuaian dengan sistem pemerintahan Parsi sebelum Islam di mana raja dianggap suci. Menurut beberapa kajian mengenai hubungan Syi'ah-Parsi pada zaman Bani Umaiyyah mendapati bahawa lebih separuh daripada penduduk kota Kufah yang menyokong Syi'ah pada ketika itu terdiri daripada kaum *Mawāli*.⁶

⁶ Diya'uddin al-Rayes. (1969). *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, hlm.62; Wellhausen, *Die religios-politischen Opposition partien (The Religio-Political Factions in Early Islam)*, hlm.79; Nicholson.R.A. (1930). *A Literary History of the Arabs*, Cambridge, hlm. 219. Pekerjaan kaum *Mawāli* di Kufah ialah berdagang dan berniaga di dalam dan luar negara.

Kowujudan kaum *Mawāli* telah mempengaruhi pemikiran kaum Syi'ah, khususnya yang berkaitan dengan ideologi politik dan kuasa agama yang dianggap sebagai milik Allah (*haq ilahi*) yang dianugerahkan kepada mereka. Konsep *haq ilahi* ini telah diamalkan oleh raja-raja Parsi pada zaman sebelum Islam. Orang Parsi menganggap raja mereka (Kisra) sebagai penjelmaan Tuhan. Oleh kerana itu terdapat daripada kalangan para pengkaji yang mengatakan bahawa mazhab Syi'ah pada hakikatnya merupakan mazhab orang Parsi.⁷

Orang Parsi telah mengamalkan sistem warisan dalam pemerintahan sejak turun-temurun. Apabila mereka memeluk Islam, maka istilah "keluarga pemerintah" yang sama telah digunakan dengan sedikit pengubahsuaian iaitu daripada Al Sassan (keluarga Sasan/Parsi) kepada *Āl Bayt* atau *Ahl Āl Bayt* (keluarga Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*) atau *Āl Ali* (keluarga Sayyidina Ali bin Abi Talib).⁸

Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong kepada pembentukan ideologi Syi'ah, di antaranya ialah faktor kemasyarakatan.

Kaum *Mawāli* yang berasal daripada keturunan Parsi merasakan bahawa status sosial mereka dianggap lebih rendah berbanding status orang Arab di sepanjang pemerintahan Bani Umaiyyah. Mereka telah diasingkan

⁷ Al-Rayes, *op. cit*, hlm .63.

⁸*Ibid.*

daripada masyarakat Arab. Sebagai contoh, kaum lelaki mereka ditegah berkahwin dengan wanita-wanita Arab walaupun mereka seagama. Begitu juga masjid mereka diasingkan dari masjid orang Arab. Keadaan ini telah mendorong mereka menyokong gerakan Syi'ah dan menyertai Revolusi Abbasiyyah bagi menjatuhkan kerajaan Bani Umaiyyah⁹. Namun begitu, tiada seorang pun daripada kaum *Mawāli* yang dilantik menjadi pemimin Syi'ah dalam gerakan menentang kerajaan Bani Umaiyyah walaupun majoriti angkatan tentera Syi'ah adalah daripada kaum *mawāli*. Sebagai contoh, ketua kumpulan "*al-Tawwabun*" yang membela kematian Sayyidina Husain di Karbala' adalah daripada keturunan Arab, iaitu Sulayman bin Surad al-Khuza'i. Setelah itu diikuti oleh gerakan Syi'ah pimpinan al-Mukhtar bin Ubaid al-Thaqafai yang mendakwa dirinya sebagai wakil (*wazir*) Muhammad bin al-Hanafiyah, putera Sayyidina Ali bin Abi Talib daripada isterinya yang kedua dari Bani Hanifah, juga daripada keturunan Arab walaupun majoriti pengikutnya adalah daripada kaum *Mawāli*.

Al-Mukhtar bangun menentang Ubaidillah bin Ziyad, Gabenor Kufah pada zaman Khalifah Abd al-Malik bin Marwan sehingga berjaya menawan kota Kufah dari kerajaan Bani Umaiyyah. Sejak itu kaum *Mawāli* mula

⁹ Keterangan lanjut mengenai kaum *Mawāli* dan penglibatan mereka dalam gerakan kaum Syi'ah dan Revolusi Abbasiyyah, lihat Mahayudin Haji Yahaya. (1983). *Pemberontakan Abbasiyyah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, (terjemahan dari buku M.A. Shaban. (1970). *The Abbassid Revolution*. Cambridge University Press).

berpengaruh dan diberikan layanan istimewa oleh al-Mukhtar.

Bagi mencapai kuasa politik, mereka telah menggunakan kuasa agama sebagai alat untuk mempengaruhi masyarakat. Taktik dan strategi ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh al-Mukhtari. Al-Mukhtar mengisytiharkan Muhammad bin al-Hanafiyah sebagai "Imam Mahdi" atau Imam suci kononnya untuk membela keadilan Islam. Moto perjuangan al-Mukhtar ialah "membela kaum keluarga Rasulullah (*Ahl Āl Bayt*) dan kaum yang *daif*" *mawālī*" yang terdiri daripada bangsa Parsi.¹⁰

Al-Mukhtar telah mengubah strategi perjuangan Syi'ah daripada memihak Hasan dan Husain kepada Muhammad bin al-Hanafiyah, dan seterusnya memperkenalkan beberapa konsep baharu seperti "wazir" dan "Imam Mahdi" yang diambil daripada ajaran agama orang Parsi. Sebilangan besar daripada penyokong-penyokong beliau datangnya daripada kaum *Mawali*. Salah seorang daripada mereka iaitu Kaisan Abu Amarah¹¹ telah dilantik ke jawatan penting oleh al-Mukhtar iaitu sebagai Pengawal Peribadi atau Ketua Polis al-Mukhtar dan beliau

¹⁰ Al-Tabari, *op. cit.*, 11/13. "*Mawālī*" ialah kaum Parsi yang telah memeluk Islam. Setelah memeluk Islam mereka telah bertuan dengan orang Arab. Pada zaman Bani Umaiyah mereka dipandang hina dan dianggap sebagai masyarakat kelas dua. Jesteru, mereka sering memberontak dan menyertai kaum Syi'ah bagi menuntut keadilan. Keadaan ini telah dieksploitasi oleh al-Mukhtar.

¹¹ Manusia bernama "Kaisan" menjadi tanda tanya. Siapakah dia yang sebenarnya? Lihat ulasannya pada n.k.14 di bawah.

jugalah orang yang bertanggungjawab mengasaskan mazhab Kaisaniyyah, iaitu mazhab *Ghulat* Syi'ah yang bersifat ekstrim dalam kalangan mazhab-mazhab Syi'ah¹². Al-Mukhtar telah mengamalkan ajaran sesat berdasarkan ajaran yang dibawa oleh Kaisan. Misalnya, kepercayaan kepada "Kursi Keramat" yang dikatakan kepunyaan Sayyidina Ali. Mereka telah menyaksikan al-Mukhtar memikul kursi tersebut ke medan perang.¹³

¹² Di antara Puak: Ghulat" yang dikaitkan dengan mazhab Syi'ah ialah "Sabaiyyah" dinisbahkan kepada Abdullah bin Saba` (Ibn al-sawda`) berasal dari keturunan Yahudi dari Yaman yang memeluk Islam. Beliau telah memperkenalkan doktrin Syi'ah yang melampau (ghulat) yang mengatakan bahawa Ali adalah seorang Imam dan pengganti (*wasi*) Nabi, dia tidak mati tetapi hanya bersembunyi dan akan muncul semula ke dunia untuk membela keadilan Islam. Sayyidina Ali dianggap *ma'sum* (tidak berdosa). Doktrin yang dibawa oleh Abdullah bin Saba` ini telah dikecam oleh Ja`far al-Sadiq bin Ali Zainal Abidin bin al-Husain bin Ali bin Abi Talib. Malah Sayidina Ali sendiri telah menyingkir Abdullah bin Saba` dari Kufah apabila beliau mengatakan Ali adalah Tuhan.

¹³ Al-Tabari, *op. cit.* II/749.

Mazhab-Mazhab Syi'ah

Kaisaniyyah

Mazhab (*firqah*) pertama Syi'ah muncul pada zaman al-Mukhtar bin `Ubayd al-Thaqafi yang dikenali sebagai "Kaisaniyyah", iaitu nisbah kepada Kaisan,¹⁴ iaitu *mawla* (dari bangsa Parsi yang menjadi pengikut) Sayyidina Ali bin Abi Talib atau puteranya Muhammad yang lebih dikenali sebagai Muhammad bin al-Hanafiyyah. Kaisan telah mencipta suatu doktrin baru yang dikenali sebagai "*wasīyyah*" (wasiat), ertinya "pemberian kuasa". Bagi kaum Syi'ah, Sayyidina Ali adalah *wasi*, pewaris kuasa agama yang mutlak daripada Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* dan sekaligus menjadi pewasiat kepada imam-

¹⁴ Terdapat dua pendapat mengenai lelaki yang bernama "Kaisan". Pendapat pertama mengatakan bahawa Kaisan adalah gelaran kepada Mukhtar bin Ubaid al-Thaqafi yang mengetuai kumpulan Syi'ah sebagai wakil Muhammad bin al-Hanafiyyah bagi menentang kerajaan Bani Umaiyyah pada zaman Khalifah Marwan bin al-Hakam dan gerakan Abdullah bin al-Zubair di Hijaz. Pendapat kedua mengatakan bahawa Kaisan adalah gelaran kepada Abu Amrah, Ketua Polis Mukhtar (Diya'uddin al-Rayes, *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, al-Tab'ah al-Khamisah. (1969). Dar al-Ma'arif, al-Kaherah, n.k.1, hlm.64)

imam Syi'ah yang menjadi pelaksana tugas-tugas agama selepasnya.¹⁵ Justeru, mazhab Kaisaniyyah menganggap Muhammad bin al-Hanafiyah sebagai imam suci dan pewaris Sayidina Ali. Dari sinilah lahirnya istilah "Imāmiyyah", "Imam Mahdi", dan "*Raj`ah*" (kembali semula ke dunia sebagai Imam Mahdi bagi membela keadilan sebelum berlaku hari kiamat).

Sejak itu, Syi'ah sudah menjadi suatu aliran pemikiran dalam sejarah mazhab-mazhab dalam Islam. Mazhab Kaisaniyyah terus berpengaruh hingga ke tahun 98H iaitu tarikh kewafatan Abu Hashim, putera Muhammad bin al-Hanafiyah yang menjadi pemimpin mazhab "al-Hashimiyyah", iaitu cabang pertama dari mazhab Kaisaniyyah. Setelah itu diwarisi oleh saudara sepupunya, Muhammad Ali al-Abbasi. Kumpulan inilah yang mengerakkan Revolusi Abbasiyyah atau disebut juga sebagai Gerakan Hashimiyyah (mengambil sempena nama Abu Hashim bin Muhammad bin al-Hanafiyah).

Pada abad ke-2H/8M telah berlaku perselisihan pendapat daripada kalangan kaum Syi'ah mengenai pengiktirafan terhadap Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab. Perselisihan ini berlaku antara Muhammad al-Baqir dan saudaranya Zaid bin Ali Zainal Abidin bin al-Husain bin Ali bin Abi Talib. Dari perselisihan ini telah muncul dua aliran: yang pertama

¹⁵ Ulasan lanjut mengenai konotasi "wasiyyah", lihat Mahayudin Hj Yahaya. (1989). *Ensiklopedia Sejarah Islam*, art. "wasiyyah", Jilid vi (uz), hlm.1819-1821, Penerbit UKM, Bangi, Selangor.

dikenali sebagai "Imāmiyyah"¹⁶ di bawah pimpinan Muhammad al-Baqir bin Zainal Abidin dan yang kedua dikenali sebagai "Zaidiyyah" di bawah pimpinan saudaranya, Zaid bin Ali Zainal Abidin. Zaid adalah seorang pemimpin Syi'ah yang radikal, dan beliau tidak bersetuju dengan konsep "Imam Mahdi" atau "Imam yang Tersembunyi". Menurut beliau, Imam atau khalifah itu mestilah dinyatakan atau diisytiharkan kepada umum dan ia mestilah daripada keturunan Fatimah. Di antara prinsip perjuangan Zaid ialah, mengamalkan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah dan membela kaum yang lemah, dan menganggap Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab sebagai khalifah yang sah, tetapi dari segi kelmaman Ali adalah lebih layak; Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah 'Umar bin al-Khattab merupakan Imam-Imam sementara sebelum ketibaan Ali (kerana pada ketika itu Ali masih terlalu muda untuk dilantik menjadi Imam). Prinsip terakhir ini menyebabkan ramai daripada pengikutnya yang berada di kota Kufah lari meninggalkannya berjumlah 15,000 orang dan mereka ini dikenali sebagai "Rafidah" pimpinan Muhammad al-Baqir, saudaranya sendiri yang bertanggungjawab menubuhkan mazhab "Imāmiyyah" atau Ja'fariyyah atau disebut juga *Ithna 'Ashariyyah* (Imam Dua Belas).¹⁷


¹⁶ Digelar juga sebagai "al-Rafidah" (menolak atau enggan menerima), sama ada menolak kepimpinan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah 'Umar bin al-Khattab atau menolak pandangan Zaid.

¹⁷ Al-Tabari, *op. cit.* II/1676-78, 1698-1711.

Zaidiyyah menuju ke arah jihad, sementara Imamiyyah ke arah kajian ilmiah sehingga terbentuknya fikah dalam mazhab Syi'ah. Orang yang bertanggungjawab dan menjadi pemimpin gerakan ilmiah ini ialah Ja'far al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir. Dari Imamiyyah muncul pula firqah *Isma'iliyyah* pimpinan Ismail bin Ja'far al-Sadiq. Dengan itu maka terbentuklah empat *firqah* Shi'ah yang utama, iaitu Kaisaniyyah, Imamiyyah, Zaidiyyah, dan Ismai'liyyah.¹⁸

¹⁸ Mazhab Ismailiyyah dikenali juga sebagai mazhab "Sabi'yyah" yang mempercayai tujuh orang Imam. Imam ketujuh mereka ialah Ismail bin Ja'far al-Sadiq. Berbeza dengan pendapat mazhab Imamiyyah "Imam Dua Belas (*ithna`ashariyyah*). Bagi mereka Imam ketujuh mereka ialah Musa al-Qazim bin Ja'far al-Sadiq kerana Musa al-Qazim merupakan anak sulung Ja'far al-Sadiq. Kumpulan-kumpulan lain pula mengatakan Muhammad atau Abdullah atau Ali sebagai Imam ketujuh. Kesemua Imam ke tujuh ini: Ismail, Musa al-Qazim, Muhammad, Abdullah dan Ali merupakan anak kepada Ja'far al-Sadiq. Menurut mazhab Sabi'iyah, Ismail merupakan Imam ketujuh dan terakhir dan dianggap sebagai "Imam Mahdi". Konsep "Imam Tujuh" yang dipercayai oleh kaum Ismailiyyah atau Sab'iyah dikaitkan pula dengan tujuh perkara yang menjadi aspek utama dari segi teologi mereka iaitu Tuhan, akal, roh (nafs). Benda, ruang angkasa, waktu dan dunia. Angka "7" menjadi angka istimewa bagi mereka kerana ia melambangkan berbagai kejadian; langit tujuh lapisan, seminggu tujuh hari... Mereka juga mengiktiraf tujuh orang nabi yang istimewa: Adam, Noh, Ibrahim, Musa, Isa, Muhammad dan Muhammad al-Tamm (Muhammad bin Ali bin Ja'far al-Sadiq) yang digelar Qa'im al-Zaman. Nabi-nabi ini dianggap sebagai "Penutur" (*natiq*) dan yang lain dianggap sebagai "Pendengar" (*fatiq*). Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, mazhab Sab'iyah telah dipengaruhi ajaran kaum Yahudi, Kristian dan Zoras. Kaum Syiah lain menganggapnya sebagai mazhab yang melampau (*ghulat*) dan menyeleweng daripada Islam (keterangan lanjut lihat al-Baghdadi, *al-Farq bain al-Firqah*, Kaherah, 1328H).

Firqaḥ Syi'ah Imāmiyyah Imam Dua Belas 'Imam 'Ashariyyah



Di antara tiga mazhab Syi'ah yang dinyatakan di atas iaitu *Zaidiyyah*, *Imāmiyyah* dan *Ismailiyyah*,¹⁹ mazhab *Imamiyyah* "Imam Dua Belas" yang paling berpengaruh dan tersebar dengan meluasnya di seluruh dunia Islam. Di antara sebabnya ialah kerana penampilan dan kebolehan Imam-Imam mereka, khususnya Imam Ja'far al-Sadiq sendiri yang dikatakan tersangat alim dalam bidang agama, kebolehannya adalah standing dengan Imam Abu Hanifah dan Anas bin Malik.²⁰

Doktrin Syi'ah Imāmiyyah

Syi'ah Imāmiyyah (atau Ja'fariyyah, *Ithnā`Ashariyyah* "Imam Dua-Belas") telah mengemukakan beberapa doktrin yang dijadikan pegangan mereka. Di antara yang terpenting ialah *Imāmah*, *ismah* (Imam suci), *ghā`ibah* (Imam ghaib), *taqiyyah* dan *raj`ah*.²¹

¹⁹ Tidak termasuk mazhab **Kaisaniyyah** yang diasaskan oleh Kaisan dari keturunan Parsi yang memihak Mukhtar bin Ubaid al-Thaqafi yang mengaku dirinya sebagai "Wazir" kepada Muhammad bin al-Hanafiyyah, putera Sayyidina Ali bin Abi Talib dengan isterinya dari suku Hanifah. Begitu juga Saba'iyyah yang diasaskan oleh Ibn Saba'. Kaysaniyyah dan Saba'iyyah merupakan dua mazhab "Ghulat" (ekstrim) Syi'ah yang tidak diiktiraf oleh majoriti kaum Syi'ah.

²⁰ Lihat *Encyclopedia of Islam*, art. "Ja'far al-Sadiq".

²¹ "Raj'ah" memberi maksud "kebangkitan Imam Mahdi iaitu Imam yang ke dua belas di akhir zaman bagi menegakkan keadilan".

Menurut al-Shahrastani²², pertelagahan yang paling benar berlaku dalam sejarah umat Islam berikutan kewafatan Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* ialah mengenai masalah *Imāmah (Khilāfah)*.²³ Kata-kata beliau ini menunjukkan betapa pentingnya *Imamah* bagi kaum Syi'ah yang melibatkan ideologi politik Islam, bukan sahaja dari segi teori tetapi juga amali. Oleh kerana sensitiviti politik inilah yang membawa kepada kelahiran mazhab-mazhab dalam Islam, termasuklah mazhab Syi'ah. Walaupun pada akhirnya ia bercorak keagamaan, tetapi dari segi kebatinan niau yang tersirat, terselindung cita-cita politik Syi'ah yang begitu tinggi.

²² Nama penuhnya Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Shahrastani (469H/1076M-548H/1153M) seorang tokoh sejarah mazhab-mazhab dalam Islam, berasal dari Shahrastan dalam wilayah Khurasan. Beliau mahir dalam ilmu usuluddin (teologi). Di antara gurunya ialah Abu Qasim al-Ansari. Beliau merupakan salah seorang penganut mazhab Aḥa'ariyah. Di antara karya beliau yang terkenal berjudul *al-Milal wa al-Nihal*. Di dalam kitab ini beliau telah mengupas sistem pemikiran agama dan falsafah yang diwakili oleh pelbagai mazhab dan kepercayaan dan telah disusun berdasarkan mazhab yang terdekat dengan mazhab al-Sunni; bermula dengan mazhab Mu'tazilah dan diikuti mazhab Shi'ah dan Batiniyyah. Seterusnya agama-agama samawi (yang mempunyai kitab) seperti agama Nasrani dan Yahudi dan diikuti dengan agama Magi. Aliran pemikiran yang berbeza ini telah mempengaruhi perkembangan pemikiran politik dan agama yang kemudiannya mengakibatkan kemunculan mazhab Shi'ah dan Mu'tazilah.

²³ Al-Shahrastani (2008). *al-Milal wa al-Nihal*, Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', Beirut, hlm.17.

Orang yang paling awal menulis mengenai *Imāmah* ialah Ali bin Ismail al-Tamar²⁴ berjudul kitab *al-Imāmah* dan kitab *al-Istihqāq* yang turut disenaraikan oleh Ibn al-Nadim dalam *al-Fihrasat*. Diikuti oleh Hisham bin al-Hakam, salah seorang pengikut al-Jahm bin Safwan dan murid kepada Ja`far al-Sadiq.

Hisham merupakan seorang *Mawla* (berbangsa Parsi) dan salah seorang pengikut dan jurucakap kepada Yahya bin Khālid al-Barmaqi, seorang *Wazir* yang terkenal pada zaman Abbasiyyah. Beliau sezaman dengan Khalifah Abu Ja`far al-Mansur dan berkuasa hingga ke zaman Khalifah al-Ma`mun. Beliau tergolong di dalam kumpulan Syi`ah Imamiyyah. Beliau berpendapat bahawa Imam mestilah dilantik secara *nas* atau menerusi wasiat (*waṣiyyah*) dan sifatnya *ma`sum* (suci daripada dosa)²⁵. Di antara karya beliau ialah “*Kitab al-Imāmah*”, “*Imām al-Mafdūl*”, “*al-Radd `ala al-Mu`tazilah*”, dan “*al-Mizān*”.

Daripada kenyataan itu tadi, maka jelaslah bahawa orang yang mula-mula menghasilkan karya ilmiah mengenai konsep “*Imāmah*” ialah kaum Syi`ah. Mereka telah menjadikannya sebagai suatu disiplin ilmu berasaskan nas

²⁴ Ali bin Ismail al-Tamar merupakan seorang *mawla* (berbangsa Parsi) kepada sayyidina Ali bin Abi Talib, sama seperti Kaisan yang mengasaskan mazhab Kaisaniyah (Shi`ah). Ini membuktikan tentang hubungan rapat antara kelahiran mazhab Shi`ah dengan kaum *Mawālī*.

²⁵ Seseengah pengkaji mentafsirkan “*ma`sum*” (suci) ialah suci daripada dosa. Tetapi penulis-penulis Syi`ah mentafsirkann “suci” kerana berpegang teguh kepada tali Allah iaitu al-Qur`an” (Abdullah Fayyad, *op.cit*, hlm. 154).

agama dan logik dan telah menempatkannya sebagai salah satu bidang utama di dalam ilmu al-Kalam (ilmu Teologi).

Ilmu al-Kalam teretus berikutan berlakunya perbahasan di antara kaum Syi'ah, Mu'tazilah, dan *Ahl al-Hadith* mengenai konsep Khilafah atau Imāmah yang melibatkan aspek agama dan politik. Dalam hal ini, kaum Syi'ah berbeza pendapat dengan kaum Khawārij, Mu'tazilah dan *Ahl al-Hadith* (yang kemudiannya dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*).

Kaum Syi'ah telah mengungguli konsep Imāmah dan telah membahaskannya secara panjang lebar, serta menentukan kaedah dan metodenya, dan dianggap wajib diketahui dan dilaksanakan; sama seperti hukum *nubuwwah* atau Kenabian berdalilkan ayat al-Qur'an (Surah al-Baqarah: 30)²⁶; manakala mazhab-mazhab lain hanya mengikut sahaja apa yang telah diperkatakan oleh mereka dan menjawab persoalan-persoalan yang mereka kemukakan

27

Doktrin Syi'ah Imāmiyyah berikutnya ialah *'ismah*. Menurut mereka, imam-imam Syi'ah bersifat *ma'ṣūm* yakni suci dari melakukan kesilapan, kesalahan dan kealpaan sepertimana nabi dan rasul. Konsep ini diambil daripada kata-kata Imam Ali bin Abi Talib. Apabila Ali ditanya: "Apakah yang dimaksudkan dengan *'ismah*?" Ali

²⁶ إني جاعل في الارض خليفة Abdullah Fayyad, *op. cit.*, hlm 131.

²⁷ Diya'uddin al-Rayes, *op. cit.* hlm. 87-88.

menjawab: “Berpegang teguh kepada tali Allah, iaitu al-Qur’an al-Karim sehingga ke hari kiamat.”²⁸

Mengenai konsep “*ghā’ibah*” (imam ghaib) pula, Syi’ah Imamiyyah percaya dan yakin sepenuhnya bahawa Imam ke-12 mereka, iaitu Muhammad bin Hasan al-Mahdi, telah hilang atau menghilangkan diri dengan kehendak Allah pada tahun 265H dan akan lahir semula di akhir zaman dengan kehendak dan izin Allah jua berdasarkan hadis Nabi, yang bermaksud: “Selepas aku, terdapat dua belas iman (khalifah), dan kesemuanya daripada keturunan Quraish”²⁹ Sebab mengapa ia dihilangkan atau menghilangkan diri, ialah kerana takut dibunuh oleh tentera Abbasiyyah.³⁰

Doktrin Syi’ah Imāmiyyah seterusnya ialah “*taqiyyah*”, iaitu tindakan menyembunyikan sesuatu dalam keadaan ketakutan, atau, dalam Bahasa Inggerisnya *Prudent fear*. Konsep *taqiyyah*, bagi mereka, merupakan suatu pilihan dan bukan perkara wajib, sepertimana *Imamah* dan *’ismah*. Mereka mengatakan bahawa konsep *taqiyyah* adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Tujuannya ialah bagi mengelakkan diri daripada bahaya ancaman musuh. Kaum Khawārij dan mazhab Sunni-Hambali turut mengamalkan konsep *taqiyyah*.³¹

²⁸ Abdullah Fayyad, *op. cit.* hlm 154.

²⁹ Hadis ini diriwayatkan oleh kaum Syi’ah dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* (*Ibid*, hlm.160).

³⁰ *Ibid*.

³¹ *Ibid.*, hlm. 167.

Bibliografi

A. Buku dan Artikel

Al-Qur`an al-Karim.

Abdullah Fayyad. (1970). *al-Imamah wa Aslafihim min al-Shi`ah*, al-Tab`ah al-Ula, Matba`ah As`ad, Baghdad.

Abdullah al-Qari bin Haji Saleh. (1989). *Salah Faham Tentang Nur Muhammad*, Pustaka Asia, Kenali Kelantan.

Ahmad Khatib. (1331H). *al-Syumus al-Lami`ah*, Makkah.

Aiderus bin Umar al-Habshi (1317H). *Iqd al-Yawaqit al-Jawhariyyah*, Kaherah.

Armando Cortesao (ed.) (1944). *The Sume Oriental of Tome Pires: An Account of the East from the Red Sea to Japan*, Written in Malacca and India in 1512-1515, Hakluyt Society Works, London.

Al-Baghdadi (1328H). *al-Farq bayn al-Firaq*, Kaherah.

Braddell, R (1947). "Notes on Ancient Times in Malaya", *JMBSRA*, Jil.XX, Bhg.2, hlm. 4-18; H.G. Quaritch Wales. (1980). "The Sabaeans and Possible Egyptians Influence in Indonesia", *JNBRAS*, Jil. XXIII, Bhg. III.

Bazlul Karim, A.K. (1979). *The Hijri year and the Christian year*, Islamic Foundation, Dacca.

Hasjmy, Ali (t.t). *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Cst.1. p: al-Maarif.

Ibn Hazm, Ali bin Ahmad. (1962). *Jamharah Ansab al-`Arab*, A.M. Harun (ed.), Kaherah.

Ibn Khaldun, *Muqaddimah*. (1993). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

- Ibn Khallikan (t.t). *Wafayat al-A`yan*, ed. Ihsan Abbas, Beirut.
- Kamis bin Ismail. (2003). "Shi`ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik Dan Tasawuf Falsafah Di Alam Melayu Zaman Tradisional", *Tesis Ph.D.*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1986). *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Penerbit Universiti Kebangsaan, Bangi, Selangor, Jilid I-VI.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1984). *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1991). *Pemerintahan Bani Umaiyyah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahayudin, et al. (1993). *Sejarah Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1983). *Pemberontakan Abbasiyyah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, (terjemahan dari buku M.A. Shaban (1970). *The Abbassid Revolution*, Cambridge University Press.
- al-Maqdisi. (1877). *Ahsan al-Taqaqim*, M.J. de Goeje (ed), Leyden.

- Mohd Nor bin Ngah. (1983) *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Muslim Scholars*, Institute of the Southeast Asian Studies, Singapore.
- Muhammad Diya`Uddin al-Rayes. (1969). *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, al-Tab`ah al-Khamisah, Kaherah.
- Najeeb Saleeby. (1905). *Studies in Moro History, Law and Religion* (Department of the Interior, Ethnological Survey Publications IV, I) Manila,
- Nasr.S.H. (1980). *Ideals and Realities of Islam*, London.
- Nicholson.R.A. (1930). *A Literary History of the Arabs*, Cambridge.
- Al-Nuwairi. (1923-1925). *Nihayah al-`Arab fi Funun al-Adab*, Kaherah, Vol.1.
- Report on the 1947 Cesus of Population of Malaya* (1949). Arkib Negara, Kuala Lumpur, 31.1. 1949.
- Serjeant. R.B. (1957). *The Saiyids of Hadramaut*, School of Oriental and African Studies, University of London,, Luzac & Cm.
- Sayid `Alwi bin Tahir al-Haddad (1388H/1968M).`*Uqud al-Almas*, Matba`ah al-Madani, Kaherah., Vol. 1.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Al-Tabari, Abu Ja`far Muhammad bin Jarir (1879-1901). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, M.J de Geoje (ed.) Leiden.

B. Internet

Mohd Samsuddin Haron & Azmul Fahimi Kamaruzaman, "Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal", *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2011.

([http://www.ukm.my/non/prosiding %20 atas%20 talian htn](http://www.ukm.my/non/prosiding_%20atas%20talian%20htn))

Sejarah Melayu Syiah – Legenda, Mitos & Sejarah-Peristiwa

<http://english2.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&t id=634024>

Maklumat Tambahan daripada Internet

Mafis bin Mohd Samuri: Indoktrinasi Ideaologi Syiah Dalam Karya Sastera Kontemporari (Panel Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (Bhg 1, hlm.1-20) (<http://www.muftiwp.gov.my/v1>).

Tatiana Denisova, Syiah Melayu Nusantara "Kajian Sejarah Islam di Alam Melayu Dalam Perspektif "Orinetal Studies": Antara Fakta dan Khayalan" (<http://syiahmelayunusantara.blogspot.com/2012>)

Hana Zaka, Syiah di Alam Melayu (<http://hanazaka.blogspot.com/2013/08/syiah-di-alam-melayu.htm1>)

Abd Mun'em Dato Hj Mahmad Muhtar: Budaya Syiah
Dalam Masyarakat Melayu
(<http://abdmunblog.blogspot.com/2013/08/budaya-syiah-dalam-masyarakat-melayu.html>)

Haruman Kasturi: Isu: Apa Masalah Dengan Syiah?
(<http://shazwansuhiman.bologspot.com/2012/09/apa-masalah-engan-syiah.html>)

Syiah: Jakim Salah Fakta

(<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/12/16/syiah-jakim-salah-fakta>)

Sejarah Melayu Syiah – Lagenda, Mitos & Sejarah
Peristiwa

(<http://english2.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=634024>)

Syiah di Malaysia

(<http://akidah2u.wordpress.com/2011/12/19/syiah-di-malaysia>)

Jiwa Paradox: Api itu Syiah?

(<http://alamjiwaparadox.blogspot.com/p/apa-itu-syiah-yang-jelas.html>)

Wadah: Syiah: Kedudukannya di Sisi Kerajaan Sunni
Malaysia

(<http://lappanblablaba.blogspot.com/2013/09/syiah-kedudukannya-di-sisi-kerajaan.html>)

Syiah – Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas

(<http://ms.wikipedia.org/wiki/syiah>)

Memahami sejarah latar belakang syiah di... Hafidzi Mohd
Noor

(<http://www.facebook.com/HafidziMohdNoor/posts/528266107237988>)

Syiah (<http://chomeini.blogspot.com/2013/06/syiah.html>)

Jakim Jahil Tentang Syiah (<http://www.abna.ir/data.asp?Lang=489854>)

Semua ajaran Syiah di Malaysia menyeleweng daripada Syarak, kata Jakim

([http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/semua-ajara-syiah-di-malaysia-adalahBerpecah kerana kejahilan, bukan perbezaan](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/semua-ajara-syiah-di-malaysia-adalahBerpecah%20kerana%20kejahilan,%20bukan%20perbezaan))

(<http://www.malaysiakini.com/news/233660>)

Kemunculan Budaya Syiah di Malaysia

(<http://tenteradajjal.blogspot.com/2012/07/kemunculan-budaya-syiah-di-alam-melayu.html>)

Seksa Aku Dengan Pemuda Melayu, Syiah kisah benar,

Tarikh: Friday, July 05@07:38:52 MYT

(<http://www.tranungkite.net/v12/modules.php?name=News&file=print&sid=7226>)